



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

3 SEPTEMBER 2018

**PELAKSANAAN OPERASI AWAS DAN MATA DEMERIT OLEH
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)**

1. Seperti yang telah diumumkan hasil daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Ogos yang lalu, kerajaan melalui JPJ telah mengambil alih kesemua operasi kamera AWAS bermula 1 September 2018. Operasi ini adalah melibatkan penguatkuasaan kesalahan yang dirakam melalui kamera bagi dua kesalahan iaitu memandu melebihi had laju dan tidak mematuhi lampu isyarat merah.
2. Pengambilalihan oleh JPJ ini adalah meliputi penguatkuasaan bagi pengoperasian ke atas 45 buah kamera AWAS yang terdiri daripada 29 kamera bagi kesalahan memandu melebihi had laju dan 16 buah kamera bagi kesalahan tidak mematuhi lampu isyarat merah. Pada masa yang sama terdapat 2 lokasi lagi sedang dalam proses mendapatkan kelulusan pemasangan daripada pihak berkuasa tempatan iaitu 1 lokasi bagi kesalahan memandu melebihi had laju dan 1 lokasi bagi kesalahan tidak mematuhi lampu isyarat merah.

3. Jadi secara keseluruhannya sehingga berakhir tahun ini (2018) JPJ akan menguatkuasa kesalahan AWAS di 47 lokasi yang dinyatakan tadi. **Senarai lokasi kamera adalah seperti di Lampiran 1.** Orang ramai boleh menyemak senarai terkini lokasi-lokasi kamera AWAS di dalam laman web JPJ di www.jpj.gov.my, selain juga boleh melakukan semakan saman-saman JPJ dan AWAS.
4. Saya juga ingin menekankan bahawa tujuan utama pemasangan dan penguatkuasaan kamera AWAS ini adalah untuk kita mendidik dan menjaga keselamatan pemandu-pemandu khususnya apabila mereka memandu di zon-zon operasi kamera AWAS ini. Untuk pengetahuan semua, semua lokasi yang telah dikenalpasti ini adalah merupakan jalan-jalan yang mempunyai risiko tinggi berlakunya kemalangan jalan raya.
5. Oleh itu, di setiap lokasi pemasangan dan operasi kamera-kamera AWAS ini akan di pasang 3 papan tanda pemberitahuan “ZON OPERASI KAMERA” iaitu antara jarak 1 km, 2 km hingga 3 km sebelum kamera. Manakala bagi lokasi merakam kesalahan tidak mematuhi lampu isyarat merah akan dipasang 3 papan tanda pemberitahuan juga dalam jarak 50 meter hingga 1 km sebelum sampai ke lokasi kamera. Semua spesifikasi papan-papan tanda ini adalah dipasang menurut peruntukan undang-undang yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah Isyarat Lalu Lintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959.

6. Pada masa akan datang Kerajaan hanya akan mempertimbangkan untuk menambah lokasi pemasangan dan pengoperasian kamera ini sekiranya terdapat keperluan. Sehubungan itu, semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, swasta dan pihak berkuasa tempatan boleh mencadangkan lokasi-lokasi yang sesuai untuk dipasang dengan kamera AWAS kerana tanggungjawab untuk menjaga keselamatan jalan raya ini adalah merupakan tanggungjawab bersama.
7. Semua lokasi-lokasi yang dicadangkan ini akan dikaji kesesuaiannya oleh JPJ dan MIROS melalui analisa data-data kemalangan selain meneliti kesesuaian lokasi tersebut dari aspek teknikal, struktur jalan dan juga ketersediaan sumber yang ada bagi tujuan pengoperasian kamera AWAS. Semua lokasi-lokasi baru ini akan dikemaskini di laman web yang sama dari semasa ke semasa untuk rujukan dan pengetahuan orang ramai.
8. Sejak bermulanya penguatkuasaan pada 1 September 2018 yang lalu seperti yang telah diumumkan, JPJ telah pun memulakan operasi ke atas 45 buah kamera AWAS yang dinyatakan tadi. Sehingga hari ini jumlah saman yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

TARIKH	JUMLAH SAMAN
1.9.2018	
2.9.2018	

9. Semua prosedur pengeluaran dan penyampaian notis-notis saman ini dikeluarkan menurut undang-undang di bawah **Seksyen 53A. Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan juga Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Kesalahan Yang Dirakamkan Melalui Kamera) 2012** kepada pemilik berdaftar kenderaan motor yang melakukan kesalahan. Sekiranya pemilik berdaftar tersebut bukan merupakan pemandu kenderaan yang berkenaan pada masa kesalahan itu dilakukan, beliau hendaklah dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyampaian notis saman tersebut mengemukakan nama dan alamat orang yang memandu kenderaan itu pada masa kesalahan itu dilakukan, kepada JPJ dengan melengkapkan ruangan belakang yang terdapat pada notis saman yang diterimanya.
10. Sekiranya terdapat mana-mana pemilik berdaftar kenderaan yang dengan salah menamakan orang lain sebagai pemandu kenderaan itu pada masa kesalahan itu dilakukan adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada RM3,000.00 dan tidak lebih daripada RM10,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.
11. Tiada pengecualian atau pengurangan bayaran kompaun akan diberikan untuk semua saman-saman yang dikeluarkan bagi kesalahan AWAS mulai 1 September 2018. Orang Yang Kena Saman (OKS) akan diberi tempoh kompaun selama 60 hari dengan kadar kompaun RM300.00 dan pada masa yang sama mata demerit

akan dikenakan apabila kompaun ini dibayar. Mata demerit yang akan dikenakan adalah seperti berikut :

- i) Kesalahan tidak mematuhi peraturan lampu isyarat : 4 mata bagi kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas, 6 mata bagi kenderaan barangan dan bas.
- ii) Kesalahan memandu melebihi had laju :
 - a) melebihi 1 km ke 25 km sejam : 2 mata bagi kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas, 4 mata bagi kenderaan barangan dan bas.
 - b) melebihi 25 km ke 40 km sejam : 3 mata bagi kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas, 5 mata bagi kenderaan barangan dan bas.
 - c) melebihi 40 km sejam : 4 mata bagi kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas, 6 mata bagi kenderaan barangan dan bas.

12. Sekiranya OKS tidak menyelesaikan kompaun yang ditetapkan, kes ke atas OKS akan didakwa di mahkamah dan sekiranya OKS masih gagal hadir ke mahkamah seperti yang dikehendaki, mereka akan disenarai hitam dan dihalang daripada melakukan apa jua transaksi serta urusan di JPJ sehinggalah kes ini diselesaikan. Tindakan untuk menyenarai hitam ini akan dilakukan menurut peruntukan di bawah Seksyen 17(1d), 29(1A) dan 119(B) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

13. Kesan daripada tindakan senarai hitam ini ialah OKS akan dihalang daripada mendapatkan lesen kenderaan motor (cukai jalan), mendapatkan atau memperbaharui lesen memandu atau melakukan apa-apa urusan atau transaksi dengan JPJ.
14. Sekiranya OKS memilih untuk menyelesaikan kes nya di Mahkamah, jika disabitkan mereka boleh didenda tidak kurang daripada RM300.00 dan tidak melebihi RM2000.00 dan pada masa yang sama mata demerit akan dikenakan seperti yang dinyatakan tadi.
15. Saya juga ingin memaklumkan bahawa mulai daripada **20 Julai 2018, JPJ telah menguatkuasakan sepenuhnya Sistem Mata Demerit bagi 23 kesalahan terjadual** yang terdapat di dalam **Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Mata Demerit) 2017**. Walaubagaimanapun untuk 2 kesalahan AWAS, penguatkuasaan sistem mata demerit hanya bermula pada 1 September 2018 seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini. Senarai 23 kesalahan terjadual tersebut adalah seperti di **Lampiran 2**.
16. Di bawah undang-undang sistem mata demerit ini, mana-mana pemandu yang telah disabitkan atas mana-mana kesalahan terjadual di mahkamah atau telah dikompoun bagi mana-mana kesalahan terjadual dan telah membayar kompaun itu, akan diberikan mata demerit sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual.

17. Apabila pemegang lesen memandu selain daripada lesen memandu percubaan, telah mengumpulkan sebanyak 20 atau lebih mata demerit terkumpul, lesen memandunya boleh digantung atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah JPJ menurut Seksyen 35 Akta Pengangkutan Jalan 1987.
18. Bagi pemegang-pemegang lesen memandu percubaan yang telah diberikan 20 atau lebih mata demerit terkumpul, lesen memandu percubaan mereka akan dibatalkan menurut seksyen 35A Akta Pengangkutan Jalan 1987. Prosedur pengantungan dan pembatalan adalah seperti di **LAMPIRAN 3**.
19. Orang ramai boleh melakukan semakan mengenai saman-saman dan mata demerit mereka di laman web jpj.

-TAMAT-

LAMPIRAN 1

SENARAI LOKASI 45 KAMERA AUTOMATED AWARENESS SAFETY SYSTEM (AwAS)

BIL	LOKASI KAMERA	JENIS PENGUATKUASAAN
1	KM256.1 Lebuhraya Pantai Timur 2 (Arah Kuala Terengganu)	Had Laju 110KM/J
2	KM288.6 Lebuhraya Pantai Timur 2 (Arah Kuala Lumpur)	Had Laju 110KM/J
3	KM151.4 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
4	KM146.8 Lebuhraya PLUS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
5	KM18 Lebuhraya Guthrie (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
6	KM18 Lebuhraya Guthrie (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
7	KM28.4 Lebuhraya ELITE (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
8	KM17 Lebuhraya ELITE (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
9	KM1 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
10	KM1 Lebuhraya PLUS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
11	KM21 Lebuhraya LEKAS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
12	KM21 Lebuhraya LEKAS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
13	KM 184.2 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
14	KM 185 Lebuhraya PLUS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J

**SENARAI LOKASI 45 KAMERA
AUTOMATED AWARENESS SAFETY SYSTEM (AwAS)**

BIL	LOKASI KAMERA	JENIS PENGUATKUASAAN
15	KM214.4 Lebuhraya PLUS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
16	KM214.4 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
17	KM97.2 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
18	KM 96.3 Lebuhraya PLUS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
19	KM299.9 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
20	KM375.9 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
21	KM204.6 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
22	KM166 Lebuhraya PLUS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
23	KM 174 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 110KM/J
24	KM328.8 Lebuhraya PLUS (Arah Selatan)	Had Laju 110KM/J
25	KM6.6 Lebuhraya SKVE	Had Laju 80KM/J
26	KM301.6 Lebuhraya PLUS (Arah Utara)	Had Laju 90KM/J
27	KM1.6 Lebuh Sentoasa, WP Putrajaya	Had Laju 70KM/J
28	KM17 Jalan Gua Musang – Kuala Krai	Had Laju 90KM/J

**SENARAI LOKASI 45 KAMERA
AUTOMATED AWARENESS SAFETY SYSTEM (AwAS)**

BIL	LOKASI KAMERA	JENIS PENGUATKUASAAN
29	KM85.5 Jalan Ipoh – Kuala Lumpur (Sungkai)	Had Laju 90KM/J
30	Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur	Lampu Isyarat
31	Jalan Ipoh, Kuala Lumpur	Lampu Isyarat
32	KM26, Jalan Ipoh – Kuala Kangsar (Sungai Siput)	Lampu Isyarat
33	Jalan Pasir Putih, Ipoh	Lampu Isyarat
34	KM1 Jalan Gurun – Sik (Arah Gurun)	Lampu Isyarat
35	KM1 Jalan Gurun – Sik (Arah Sik)	Lampu Isyarat
36	KM36 Jalan Alor Setar - Butterworth	Lampu Isyarat
37	KM54 Jalan Alor Setar - Butterworth	Lampu Isyarat
38	KM4 Jalan Sitiawan – Lumut (Arah Lumut)	Lampu Isyarat
39	KM4 Jalan Sitiawan – Lumut (Arah Sitiawan)	Lampu Isyarat
40	KM11 Jalan Sitiawan – Ipoh	Lampu Isyarat
41	KM116 Ipoh – Kuala Lumpur (Arah Kuala Lumpur)	Lampu Isyarat
42	KM116 Ipoh – Kuala Lumpur (Arah Ipoh)	Lampu Isyarat

**SENARAI LOKASI 45 KAMERA
AUTOMATED AWARENESS SAFETY SYSTEM (AwAS)**

BIL	LOKASI KAMERA	JENIS PENGUATKUASAAN
43	KM14 Jalan Ipoh – Pusing (Arah Sitiawan)	Lampu Isyarat
44	KM38 Jalan Ipoh – Kampar (Arah Ipoh)	Lampu Isyarat
45	KM8 Jalan Teluk Intan – Hutan Melintang	Lampu Isyarat

**PECAHAN JUMLAH PENGOPERASIAN KAMERA AwAS
MENGIKUT JENIS PENGUATKUASAAN**

BIL	JENIS PENGUATKUASAAN	JUMLAH
1	Hadlaju	29
2	Lampu Isyarat	16
JUMLAH KESELURUHAN KAMERA		45

**PECAHAN JUMLAH PENGOPERASIAN KAMERA AwAS
MENGIKUT NEGERI**

BIL	NEGERI	HADLAJU	LAMPU ISYARAT	JUMLAH KAMERA
1	Kedah	3	4	7
2	Pulau Pinang	1	-	1
3	Perak	5	10	15
4	Selangor	6	0	6
5	Wilayah Persekutuan Putrajaya	1	0	1
6	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	2	2
7	Negeri Sembilan	2	-	2
8	Melaka	4	-	4
9	Johor	4	-	4
10	Terengganu	2	-	2
11	Kelantan	1	-	1
JUMLAH KESELURUHAN		29	16	45

LAMPIRAN 2

JADUAL [Subkaedah 4(1)]

KESALAHAN TERJADUAL DAN MATA DEMERIT

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
1.	Subseksyen 45(1) Akta	Menjaga suatu kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah	10	10

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
2.	Subseksyen 45A(1) Akta	Memandu atau menjaga suatu kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan	10	10
3.	Subseksyen 43(1) Akta	Memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa	10	10
4.	Subseksyen 45B(4) Akta	Gagal mengadakan spesimen nafas bagi ujian nafas apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai polis	10	10
5.	Subseksyen 45C(6) Akta	Gagal mengadakan spesimen nafas bagi ujian nafas atau spesimen darah atau air kencing bagi ujian makmal apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai polis	10	10

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
6.	Kaedah 18 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 [L.N. 166/1959] atau subkaedah 92(1) Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959 [L.N. 170/1959]	Memandu kenderaan barangan yang membawa muatan yang boleh mendatangkan bahaya atau mungkin mendatangkan bahaya	-	10
7.	Kaedah 21 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 atau subkaedah 92(2) Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959	Memandu kenderaan barangan yang membawa muatan yang menjulur melebihi bahagian belakang, hadapan atau tepi kenderaan barangan tanpa kebenaran terdahulu Ketua Pengarah	-	10

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
8.	Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 atau kaedah 92A Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959	Memandu kenderaan barangan dengan muatan yang terjatuh atau dengan tumpahan daripada kenderaan barangan	-	10
9.	Kaedah 20 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 atau kaedah 93 Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959	Memandu kenderaan barangan yang tidak sesuai yang menyebabkan atau boleh menyebabkan bahaya	-	10
10.	Subseksyen 79(1) Akta	Gagal atau mengabaikan arahan pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas dalam mengawal selia lalu lintas	4	6

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihaln kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
11.	Subseksyen 79(2) Akta	Orang yang memandu atau mendorong kenderaan motor yang gagal atau mengabaikan mematuhi isyarat lalu lintas yang berikut: (a) isyarat merah; (b) isyarat berhenti pada simpang jalan; atau (c) isyarat had laju, dengan— (i) melebihi 40 km sejam; (ii) melebihi 25 km ke 40 km sejam; atau (iii) melebihi 1 km ke 25 km sejam	4 4 4 3 2	6 6 6 5 4

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
12.	Subkaedah 17(1) Kaedah-Kaedah Isyarat Lalu Lintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959 [L.N. 167/1959]	Gagal mematuhi isyarat merah	4	6
13.	Subseksyen 40(1) Akta	Melebihi had laju yang dikenakan pada sesuatu kenderaan: (a) melebihi 40 km sejam; (b) melebihi 25 km ke 40 km sejam (c) melebihi 1 km ke 25 km sejam	4 3 2	6 5 4

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
14.	Kaedah 17B Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 atau perenggan 12(3)(a) atau 12(3)(b) Kaedah-Kaedah Isyarat Lalu Lintas (Saiz, Warna dan Jenis) 1959	Memotong kenderaan di garisan berterusan	4	6
15.	Kaedah 89 Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959	Memandu kenderaan barangan dengan melebihi had maksimum berat dengan muatan yang dibenarkan	-	6
16.	Kaedah 90 Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembuatan dan Penggunaan) 1959	Membawa orang dalam kenderaan perkhidmatan awam melebihi bilangan yang ditetapkan dalam lesen atau perakuan kenderaan perkhidmatan awam	-	6

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
17.	Subkaedah 53(1) Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959	Memandu, menunda, menolak atau meninggalkan tanpa berjaga suatu kenderaan di lorong kecemasan	4	6
18.	Kaedah 5 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959	Memotong kenderaan motor di sebelah kiri	4	6
19.	Kaedah 9 Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959	Gagal memberi laluan kepada kenderaan yang diberi keutamaan	3	5
20.	Subkaedah 17A(1) Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959	Menggunakan atau cuba untuk menggunakan telefon bimbit atau apa-apa kelengkapan komunikasi lain tanpa melalui suatu alat bebas tangan semasa memandu	3	5

<i>Bil.</i>	<i>Kesalahan</i>	<i>Perihal kesalahan</i>	<i>Mata demerit yang diberikan</i>	
			<i>Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas</i>	<i>Pemandu kenderaan barangan dan bas</i>
21.	Kaedah 4A Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959	Memandu kenderaan barangan atau kenderaan perkhidmatan awam secara berterusan di lorong paling kanan	-	4
22.	Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Kereta Motor (Talipinggang Keledar) 1978 [P.U. (A) 378/1978]	Memandu kenderaan motor tanpa memakai tali pinggang keledar mengikut cara yang dikehendaki oleh jenis dan binaan tali pinggang keledar itu	3	3
23.	Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Motosikal (Topi Keledar) 1973 [P.U. (A) 43/1973]	Memandu motosikal tanpa memakai topi keledar mengikut cara yang dikehendaki oleh jenis dan binaan topi keledar itu	2	2

LAMPIRAN 3

1. PROSES PENGANTUNGAN LESEN MEMANDU (SELAIN LESEN PERCUBAAN)

JUMLAH MATA TERKUMPUL	TINDAKAN	CATATAN
20 mata pertama atau lebih	Amaran	Mata dihapuskan
20 mata kedua atau lebih	Gantung 6 – 8 bulan	Mata dihapuskan
20 mata ketiga atau lebih	Gantung 8 – 10 bulan	Mata dihapuskan
20 mata ke empat atau lebih	Gantung 10 – 12 bulan	Mata dihapuskan

NOTA : Mana-mana pemegang lesen memandu yang telah digantung lesen memandunya sebanyak 3 kali dalam tempoh 5 tahun akan dibatalkan lesen memandunya dan tidak boleh memandu atau mendapatkan lesen memandu bagi tempoh 12 bulan dari tarikh pembatalan lesen itu.

2. PROSES PEMBATALAN LESEN MEMANDU PERCUBAAN

KALI	JUMLAH MATA TERKUMPUL	TINDAKAN	CATATAN
1	20 mata atau lebih	PDL dibatalkan	Mata dihapuskan



JUMLAH PENGELUARAN SAMAN 01/09/2018 - 02/09/2018

TARIKH	SAMAN YANG DIKELUARKAN		JUMLAH
	HAD LAJU	LAMPU ISYARAT	
1/9/2018	614	79	693
2/9/2018	507	68	575
JUMLAH	1,121	147	1,268



STATISTIK IMEJ YANG DI RAKAM 01/09/2018 - 02/09/2018

TARIKH	IMEJ DIRAKAM		JUMLAH	SAMAN DIKELUARKAN		JUMLAH
	HAD LAJU	LAMPU ISYARAT		HAD LAJU	LAMPU ISYARAT	
1/9/2018	1,905	274	2,179	614	79	693
2/9/2018	1,533	196	1,729	507	68	575
JUMLAH	3,438	470	3,908	1,121	147	1,268